

'Terlupa' tanda harga

Metro 20/11/12 MS 2

62 peniaga didenda sempena Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Deepavali 2012

>>Oleh **Fazurawati Che Lah**
fazurawati@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Terlupa. Antara alasan 62 peniaga yang dikenakan kompaun kerana gagal mempamerkan tanda harga khas merah jambu sempena Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Deepavali 2012 yang dilaksanakan bermula 8 hingga 17 November lalu.

Pengarah Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Mohd Roslan Mahayuddin berkata, mereka tidak mematuhi peraturan iaitu menjual melebihi harga maksimum, gagal menggunakan tanda harga khas merah jambu dan tidak meletakkan tanda harga.

Katanya, peniaga sengaja memberikan alasan seperti itu kerana mahu meletakkan

Boleh dikompaun RM100,000

KUALA LUMPUR: "Peniaga yang gagal memberi alasan kenaikan harga melebihi kawalan yang ditetapkan, boleh dikompaun tidak melebihi RM100,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan," kata Pengarah Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Mohd Roslan Mahayudin.

Katanya, tindakan menerusi

harga sendiri kepada pengguna selain mahu mengaut keuntungan segera.

Menurutnya, sepanjang 10 hari skim itu dilaksanakan, 53,646 pemeriksaan dilakukan membabitkan pembo-

Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 itu bagi melindungi pengguna daripada peniaga yang menjual barang dengan harga tinggi dan tidak munasabah dengan tujuan mengaut keuntungan berlebihan.

"Dengan Akta Anti Pencatutan, tindakan boleh diambil terhadap peniaga yang menaikkan harga pada bila-bila masa," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mengulas laporan peniaga

mengangkakan harga barangan terus meningkat sepanjang penghujung tahun ini, Mohd Roslan berkata, perkara itu fenomena biasa apabila musim tengkujuh mula melanda Malaysia.

Katanya, peniaga sentiasa mengambil kesempatan menaikkan harga barang terutama setiap kali bencana alam berlaku dengan menjadikannya alasan untuk menjual barangan pada harga tinggi.

rong dan peruncit di seluruh Malaysia.

Katanya, KPDNKK mengeluarkan kompaun RM8,049 selain merampas barang jualan mereka bernilai RM7,540.

"Antara kesalahan yang pa-

ling banyak dilakukan peniaga ialah tidak meletakkan tanda harga merah jambu iaitu 46 kes.

"Selain itu, 15 kes membabitkan tidak mempamerkan harga pada barangan ka-

walan manakala satu kes ialah menaikkan harga barang kawalan melebihi harga siling ditetapkan kerajaan," katanya

Mohd Roslan berkata, Selangor dan Lembah Klang mencatatkan kes tertinggi peniaga yang ingkar iaitu masing-masing dengan 20 dan 24 kes.

Katanya, sepanjang tempoh berkenaan juga, pihaknya menerima dua aduan ketidakpuasan daripada orang ramai terhadap peniaga yang tidak mematuhi skim itu.

Menurutnya, peniaga yang melakukan kesalahan dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau kompaun tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun.